

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 04 NOV 2014

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil dan keberkesanan pelepasan nyamuk jantan GE, *Aedes aegypti* (OX513A) memandangkan jumlah kes denggi semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian pelepasan nyamuk *Aedes aegypti* yang diubahsuai genetiknya **KALI TERAKHIR** dijalankan di kawasan yang tidak berpenghuni, di Hutan Tanah Kerajaan Off Jalan Tentera/Lebuhraya Bentong Raub, Bentong, Pahang pada 21hb. Disember 2010.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jarak penerbangan dan jangka hayat nyamuk tersebut sahaja. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak ada rancangan untuk menjalankan pelepasan nyamuk ini bagi tujuan menangani wabak denggi di Malaysia.